

KERTAS CADANGAN

SESI LIBAT URUS BERSAMA AGENSI BERKEPENTINGAN BAGI MENCEGAH DAN MENANGANI MASALAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN CUACA KERING PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR TAHUN 2023 ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR BERSAMA DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

1.0 LATARBELAKANG

Aktiviti pembakaran terbuka di WP Kuala Lumpur adalah berpunca daripada kebakaran sampah sarap, sisa pembinaan, daun dan ranting kayu di kawasan taman awam, kebun, belukar, lorong belakang premis dan tanah lapang. Keadaan ini telah mencetuskan kebimbangan kepada penduduk sekitar Kuala Lumpur kerana aktiviti tersebut berlaku berdekatan dengan perumahan awam dan menjejaskan kualiti udara dan kesihatan. Bagi menangani masalah aduan aktiviti pembakaran terbuka kerjasama dari semua pihak melalui penyampaian maklumat yang tepat antara agensi yang berkepentingan sebelum disampaikan kepada masyarakat.

Sehubungan itu, kertas cadangan ini adalah diangkat sebagai salah satu program bagi pencegahan dan pemantauan kebakaran tanah gambut serta kawasan lain berisiko kebakaran untuk meningkatkan kesiapsiagaan semua agensi yang terlibat di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam menangani kes pembakaran terbuka dan jerebu.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mewujudkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan bagi mencegah dan menangani masalah pembakaran terbuka;
- 2.2 Meningkatkan kefahaman semua agensi yang terlibat berhubung peraturan-peraturan dan prosedur yang terlibat bagi kes pembakaran terbuka dan jerebu; dan
- 2.3 Memahami bidangkuasa agensi-agensi yang terlibat bagi menangani kes-kes pembakaran terbuka.

3.0 ANJURAN

Program dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

4.0 PESERTA DAN PERBELANJAAN

4.1 Bilangan peserta adalah seramai **100 orang** yang terdiri daripada agensi-agensi yang berkaitan.

4.2	Pecahan Kos:	Makan/Minum	: RM 2000
		Bahan-bahan kesedaran PT (Banner, Poster dll)	: RM 3000
		JUMLAH	: <u>RM 5,000</u>

5.0 CADANGAN TARIKH, MASA DAN TEMPAT

Tarikh	: 6 Julai 2023 (Khamis)
Masa	: 9.00 pagi – 1.00 petang
Tempat	: Dewan/ Bilik Taklimat DBKL

6.0 CADANGAN AKTIVITI

6.1 Sesi taklimat daripada JAS, BOMBA, Jabatan Meteorologi, SWCorp & DBKL; dan

6.2 Booth pameran

7.0 TENTATIF PROGRAM

Khamis, 6 Julai 2023	
MASA	ATURCARA
8.30 Pagi	Pendaftaran Peserta & Kudapan Pagi
8.55 Pagi	Bacaan Doa
9.00 Pagi	Ucapan alu-aluan oleh YBrs. Puan Zuraini bt. Tajudin Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
9.10 Pagi	Ucapan Perasmian oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur
9.30 Pagi	Pembentangan 1: Larangan dan Kawalan Pembakaran Terbuka oleh Jabatan Alam Sekitar
10.00 Pagi	Minum Pagi
10.15 Pagi	Pembentangan 2 : Taklimat Cuaca Semasa dan Tinjauan Cuaca oleh METMalaysia
10.45 Pagi	Pembentangan 3 : Operasi Memadam Kebakaran yang Disebabkan oleh Aktiviti Pembakaran Terbuka Oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
11.15 Pagi	Pembentangan 4 : Tindakan Membasmi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Haram oleh SWCorp.
11.45 Pagi	Pembentangan 5 : Kesan Cuaca Panas dan Kering Terhadap Kesihatan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
12.00 T/Hari	Sesi Dialog / Soal Jawab Bersama Pengarah JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Agensi-Agensi Berkaitan
12.30 T/Hari	Makan Tengahari
1.00 Petang	Bersurai

8.0 PENUTUP

Puan Pengarah JAS WPKL dipohon mengambil maklum mengenai cadangan Sesi Libat Urus Bersama Agensi Berkepentingan Bagi Mencegah Dan Menangani Masalah Pembakaran Terbuka Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2023 ini, dan meluluskan peruntukan kewangan yang diperlukan untuk menjayakan penganjuran sesi libat urus tersebut. Program ini diharapkan akan berjaya mencapai matlamat dan objektifnya dan seterusnya memberikan pengalaman serta pendedahan yang bernilai kepada peserta.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

.....
(LUQMAN BIN BAHARUDIN)

Unit Aduan
JAS WPKL

Disemak oleh,

.....
(ZULFADZLI BIN ZAKARIA)

Ketua Penyelaras

KETETAPAN PENGARAH JAS WPKL:

Permohonan peruntukan bagi penganjuran sesi libat urus tersebut di atas

Diluluskan

Tidak diluluskan

Ulasan (jika ada) :

.....
(ZURAINI BINTI TAJUDIN)

Pengarah
JAS WPKL